

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN JAZIRI ALKAF
ABDILLAH SUFFIAN**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan dan usaha yang akan diambil oleh Kementerian itu untuk memfokuskan kepada pembangunan jalan udara berikutan pemindahan ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan yang sekali gus mampu memberi impak dan limpahan ekonomi kepada negeri Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari mana-mana negara ke/dari Sabah dan Sarawak dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- (ii) memasukkan destinasi di Sabah dan Sarawak sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services (MAFLPAS)* dan *Air Transport Agreement Between The Governments Of The Member States Of The Association Of Southeast Asian Nations And The Government Of The People's Republic Of China (AC-ATA)*. Di bawah perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN dan Republik Rakyat China (RRC) tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
- (iii) memasukkan destinasi-destinasi di Sabah dan Sarawak sebagai salah satu daripada destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama *Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages*. Di bawah perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

SOALAN NO. 59

- (iv) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke destinasi di Sabah dan Sarawak oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Dalam hubungan ini, sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak, termasuk dari ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan kelak, adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) sesuatu laluan.

Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Sabah dan Sarawak.